NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

***GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE***

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 45
No. 14

**12hb Julai 2001**

*TAMBAHAN No. 6*
*PERUNDANGAN*

**M. P.U. 6.**

## ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (NEGERI MELAKA) 1991

### FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

**ILMU TAJALLI AHMAD LAKSAMANA (HAKIKAT INSAN)**

1. Ilmu Tajalli atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana dan buku-buku yang bertajuk —

*(a)* "Hakikat Insan" yang ditulis oleh Haji Ahmad Laksamana;

*(b)* “Rahsia Mengenal Diri” yang ditulis oleh Ustaz Hal Azwan; dan

(c) “Rahsia Hakikat Insan” dan “Ilmu Mengenal Allah” yang ditulis oleh Imam Al-Soouti,

didapati mengandungi ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Oleh yang demikian, orang Islam dilarang menyebar, mengajar, belajar dan mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam, di mana-mana jua berada, yang telah belajar dan mengamalkan ajaran Ilmu Tajalli atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana hendaklah meninggalkan ajaran itu dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala.

3. Orang Islam tidak boleh menjual, mencetak, mengedar, membeli atau memiliki buku-buku yang tersebut dalam perenggan (1).

Bertarikh 2 Julai 2001.
Dated 2 July 2001.
[PMM/0007 Jld. 3(27); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
*Mufti,*
*Negeri Melaka*